

## **KENYATAAN AKHBAR**

23 Oktober 2009, Shah Alam

### **CT 110 MENERUSKAN LEGASI KRISS MODENAS**

KRISS sememangnya sinonim dengan pembuat motosikal Nasional, MODENAS. Model yang mula diperkenalkan kepada umum pada tahun 1996 ini telah melalui beberapa fasa, baik dari segi keupayaan enjin serta rekabentuk. Namun begitu selaras dengan kehendak dan teknologi terkini, MODENAS telah mula mengubah rekabentuk yang sinonim dengannya. Bermula dengan motosikal GT128 yang kini menjadi salah sebuah model yang menjadi pilihan ramai berlandaskan rekabentuk yang menarik sejajar dengan slogan Transformasi Generasi Terkini, pada hari ini MODENAS melancarkan satu lagi modelnya yang terbaru – CT 110.

Berbekalkan enjin berkuasa 110cc yang pernah digunakan pada model KRISS sebelum ini, motosikal CT 110 empat lejang ini muncul dengan rekabentuk yang lebih aerodinamik, sporti dan terkini. Dengan teknologi 'decomp' untuk memudahkan enjin dihidupkan dan sistem gear berputar, motosikal ini juga mempunyai tangki yang terbesar dalam kelas moped iaitu 5.3liter yang mampu mencatat perjalanan sehingga 250km. CT 110 juga dilengkapi dengan brek cakera hadapan dwi-piston untuk kuasa membrek yang lebih berkesan, selain

dari rekabentuk lampu hadapan dengan lampu dwi posisi yang lebih bergaya untuk cahaya lampu yang terang. Lampu ini juga boleh dilaraskan kedudukannya tanpa perlu dibuka bagi memudahkan penunggang mendapatkan keluasan limpahan yang dikehendaki. Selain dari itu, lampu belakang juga turut dilengkapi dengan lampu brek kedua yang diintegrasikan dengan pemegang belakang yang belum pernah digunakan lagi dalam saingan yang sekelas dengannya.

Bersesuaian dengan rekabentuknya yang lebih menarik dan sporti, tempat duduknya juga di datangkan dengan dwi warna yang semestinya tampak lebih menarik. Ia mempunyai empat warna pilihan iaitu Merah Iris, Emas Suria, Perak Sfera dan Putih Nova serta grafik terkini mampu menarik minat para penunggang motosikal. Model ini mampu menepati citarasa pengguna antara usia 18 hingga 25 tahun yang mahukan ketrampilan 'sporty' dan berani. Model ini dijangkakan dapat meningkatkan pasaran MODENAS ke 15% dari 12% kini dengan purata jualan sebanyak 5,000 unit sebulan.

Majlis pelancaran yang telah disempurnakan oleh Pengerusi DRB-HICOM Berhad yang juga Pengerusi MODENAS, Dato' Syed Mohamad Bin Syed Murtaza dengan disertai oleh Pengarah Urusan Kumpulan, DRB-HICOM Berhad, Dato' Sri Haji Mohd Khamil Bin Jamil di Glenmarie, Shah Alam.

'Kami berharap dengan pengenalan CT 110 pada hari ini dan GT128 pada bulan Mac yang lalu, akan menjadi satu pemangkin bagi kami untuk terus mengorak langkah dalam memastikan MODENAS sentiasa menjadi jenama pilihan ramai serta terus menghasilkan motosikal yang bermutu tinggi, terkini dan seterusnya

membantu negara dalam memacu industri motosikal ke peringkat antarabangsa setanding dengan saingannya yang telah lama bertapak di dunia.' kata En. Bastamam Hamzah, Ketua Pegawai Eksekutif MODENAS.

Encik Bastamam Hamzah turut mengumumkan harga jualan bagi CT 110 iaitu RM3,888.00 (penghidup tendang) dan RM4,188.00 (penghidup elektrik).

CT Ku, Dunia Ku.....

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :

En. Amir Abu Bakar  
Pengurus Pemasaran  
Edaran MODENAS Sdn. Bhd  
Email : [amirab@modenas.com.my](mailto:amirab@modenas.com.my)

Atau

Puan Norizah Md. Desa  
Eksekutif Pemasaran  
Edaran MODENAS Sdn. Bhd.  
Email : [norizahd@modenas.com.my](mailto:norizahd@modenas.com.my)